



337 pelajar cemerlang akademik program empower ECER dirai

Seramai 337 pelajar yang mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Tingkatan 3 (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi tahun 2015 dirai dalam Majlis Kecemerlangan Akademik 2015 Empower ECER Mahkota bagi daerah Pekan dan Empower ECER bagi daerah Kuantan yang berlangsung di Dewan Kompleks Sukan Universiti Malaysia Pahang (UMP) Kampus Gambang pada 30 Mei 2016 yang lalu.

Program anjuran UMP Advance Education dengan kerjasama Persatuan Wanita UMP (Matahari) itu dirasmikan Ahli Dewan Undangan Negeri Pahang kawasan Peramu Jaya, Dato' Sri Sheikh Mohamed Puzi Sheikh Ali yang turut dihadiri Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, Pengurus Besar ECERDC Negeri Pahang, Mazlan Sharudin dan Ketua Pegawai Eksekutif JAE, Mohamad Rozi Hassan.

Menurut Dato' Dr. Daing Nasir, UMP turut memikul tanggungjawab sosial korporat (CSR) dalam konteks transformasi landskap literasi pengetahuan dan pembangunan sosioekonomi masyarakat di sekitarnya.

"Dengan *tagline* 'Memasyarakatkan Teknologi', adalah menjadi tekad pihak pengurusan UMP untuk menggerakkan pelbagai agenda, inisiatif dan program yang membolehkan kewujudan UMP dapat dilihat, dirasai dan didengari oleh masyarakat akar-umbi bagi manfaat transformasi kehidupan dan masa hadapan mereka.

"UMP amat sukacita kerana dapat turut serta sebagai penggerak

yang proaktif dalam menayakan program Latihan Akademik Empower ECER. Bermula dengan hanya 170 orang peserta dari dua buah sekolah rendah di daerah Pekan iaitu SK Lepar dan SK Runchang, inisiatif ini telah subur berkembang dari tahun ke tahun.

"Kini, selepas enam tahun pelaksanaannya, inisiatif ini telah berjaya memberi manfaat kepada 9,186 pelajar. Manakala untuk tahun 2016 pula, sebanyak 1,220 pelajar dari 30 buah sekolah di daerah Pekan, Kuantan dan Bera telah terpilih untuk menerima manfaat dari inisiatif ini," katanya.

Tambah beliau, keberkesanan dan kelestarian inisiatif ini banyak bergantung kepada sinergi yang berterusan dan jalinan yang harmoni antara pihak UMP dan ECERDC dengan Jabatan Pendidikan Negeri Pahang, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah-sekolah yang terlibat.

Terdapat 11 program di bawah inisiatif ini dilaksanakan iaitu Program Guru Pakar, Program Motivasi Pelajar dan Ibu Bapa, Program Sains, Matematik dan Teknologi, Program Mencatat Nota Secara Efektif, Program Super Camp, Kem Pendidikan, Empower Akademik, Karnival Sains dan Matematik, *Empower Boot Camp*, Program Cekap Matematik dan *English Camp* merupakan pengupaya tambahan daripada pihak UMP dan ECERDC sebagai sokongan terhadap usaha berterusan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Pahang, Pejabat Pendidikan Daerah-daerah yang terlibat dan sekolah-sekolah yang berkenaan.

Selain pembangunan akademik, program empower ECER turut memberi tumpuan terhadap program peningkatan pendapatan bagi golongan belia, ibu tunggal dan individu-individu yang tidak berpendapatan tetap di daerah Pekan, Kuantan dan Bera.

Majlis turut menyaksikan penyampaian anugerah Sekolah Cemerlang 2015 Daerah Pekan adalah SK Sri Maulana dan SK Kuala Penor dinobatkan Sekolah Cemerlang Daerah Kuantan manakala SK Runchang dianugerahkan Sekolah Cemerlang (Orang Asli) Daerah Pekan. Manakala seramai 47 memperoleh UPSR 5A, PT3 (159) dan SPM (43) memperoleh 5A dari bagi daerah Pekan daerah Kuantan seramai 17 memperoleh 5A (UPSR), PT3 (31) dan SPM (42).